

28 JUL 2000

Mahathir-Petroleum/I

KERAJAAN KAJI SUBSIDINYA BAGI BARANGAN PETROLEUM, KATA PM

KOTA KINABALU, 28 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan akan menjalankan kajian yang menyeluruh sama ada akan mengurangkan atau tidak subsidiya bagi barangan petroleum.

Kajian itu juga akan melihat bagaimana langkah sedemikiann akan memberi kesan kepada perniagaan lain yang berkaitan, kata beliau.

Beliau berkata kajian itu penting kerana kalangan peniaga mungkin mengambil kesempatan sekiranya harga petrol meningkat, dengan menaikkan harga barangan keluaran mereka.

"Kos petrol dalam perniagaan mereka mungkin hanya 10 peratus daripada jumlah kosnya, oleh itu peningkatan 10 peratus seharusnya mencerminkan peningkatan 1 peratus sahaja," kata Dr Mahathir pada persidangan media di sini setelah mengakhiri lawatan tiga harinya ke negeri ini.

"Itulah sebabnya kerajaan perlu memantau harga bagi setiap barangan di negara ini, kerana kalangan peniaga mempunyai kecenderungan untuk mendapatkan keuntungan secara berlebihan," katanya.

Perdana Menteri menyatakan demikian ketika diminta mengulas laporan berita semalam bahawa barangan petroleum mungkin naik sedikit ekoran keputusan kerajaan untuk menjalankan satu kajian semula.

Menurut laporan itu, Perbendaharaan telah diarahkan supaya menjalankan kajian mengenai jumlah peningkatan harga petroleum dan implikasi daripada sekarang peningkatan harga bahan itu.

Dr Mahathir berkata kajian kerajaan itu juga bertujuan membolehkan pihaknya menentukan kemungkinan berlakunya perbuatan mencari keuntungan berlebihan di kalangan peniaga.

"Sekiranya ada peningkatan harga minyak, kita akan tahu bila mereka cuba mendapatkan keuntungan berlebihan dan bila mereka sebenarnya mahu mengimbangi peningkatan kos mereka," katanya.

Beliau memberi jaminan bahawa kerajaan tidak akan melakukan sesuatu tanpa menjalankan kajian yang menyeluruh, terutama dalam menangani hal yang berkaitan ekonomi dan perniagaan.

Pada masa yang sama, kata beliau, adalah tidak mungkin bagi kerajaan untuk berterus-terusan memberi subsidi petrol memandangkan peningkatan harga petroleum daripada US\$12 setong US\$30 setong.

Dr Mahathir berkata ekoran subsidi kerajaan itu, harga petrol telah menjadi begitu rendah sehingga bahan itu diseludupkan ke luar negara pula.

"Dalam erti kata lain, kita sebenarnya memberi subsidi kepada orang negara asing... tetapi memanglah perkara seperti itu sering berlaku jika keadaan harga tidak seimbang, harga di Malaysia rendah manakala harga di negara-negara jiran tinggi," katanya.

Bagaimanapun beliau menegaskan bahawa kerajaan tidak akan menghapuskan subsidiya itu, hanya akan mengurangkannya.

Ini kerana kerajaan sangat mengambil berat tentang kemungkinan kenaikan harga bagi barangan dan perkhidmatan lain sekiranya harga petroleum meningkat, kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

HAK JK NMO